

08/09/2003

Timbang tara cara terbaik (HL)

Norbakti Alias; Johari Ibrahim

JITRA: Malaysia memilih menggunakan kaedah timbang tara untuk menyelesaikan isu penambakan laut oleh Singapura berikutan kegagalan beberapa rundingan dengan republik itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, selepas perundingan menemui jalan buntu, cara terbaik menyelesaikan masalah itu ialah dengan menggunakan pihak ketiga.

Beliau berkata setelah beberapa kali perbincangan diadakan, jalan penyelesaian tidak dapat ditemui. Sebaliknya Singapura cuba memburukkan negara ini dalam isu berkenaan.

"Bertahun dah, kita cuba nak berunding tapi dia (Singapura) dok pi cerita kat orang lain, kata dia yang benar dalam isu itu. Dulu kita pilih rundingan tapi rundingan tidak berjaya, tak kan kita nak pilih perang," katanya selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) Parlimen Kubang Pasu di pejabat Umno bahagian itu di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Kementerian Luar Singapura yang menyebut kerajaan negara itu kecewa dengan keputusan Malaysia mengambil tindakan menyelesaikan isu penambakan laut berkenaan melalui timbang tara dan bukan melalui perundingan.

Perdana Menteri berkata, cara itu adalah yang terbaik untuk menyelesaikan kebuntuan yang ada kerana pilihan itu turut disebut dalam perjanjian antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir memberi kiasan mengenai kaedah timbang tara itu seperti dua orang yang berkelahi.

"Bila dua orang berkelahi dan mereka tak boleh menyelesaikannya, mereka bawa perkara berkenaan kepada orang ketiga," katanya.

Perdana Menteri berkata Singapura diberitahu mengenai hasrat Malaysia untuk merujuk isu berkenaan kepada timbang tara. Bagaimanapun beliau tidak pasti respons kerajaan negara itu.

"Saya tidak tahu (respons negara itu), saya ingat dah ada," katanya bila ditanya apakah respons rasmi kerajaan Singapura sebelum ini apabila dimaklumkan mengenai hasrat menggunakan kaedah timbang tara itu.

Kementerian Luar Singapura (MFA) dalam kenyataannya kelmarin berkata Malaysia pada mulanya mengemukakan bantahan terhadap kerja penambakan laut oleh republik itu pada Januari tahun lalu.

MFA berkata, selepas lebih setahun, Malaysia akhirnya menghantar Nota Pihak Ketiga kepada Singapura pada 4 Julai 2003, yang melampirkan laporan teknikal mengenai bagaimana kerja penambakan itu menjejaskan mereka.

Menurut MFA, dalam nota itu, Malaysia turut memberikan notis kepada Singapura yang menyatakan ia merujuk isu penambakan laut itu ke pihak timbang tara antarabangsa mengikut Konvensyen PBB mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS) 1982.

DI KOTA TINGGI, JOHOR, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar turut menjelaskan keengganan Singapura menyelesaikan isu penambakan laut di meja perundingan adalah sebab utama di sebalik keputusan Malaysia merujuk perkara itu ke badan timbang tara antarabangsa.

Bername memetik beliau sebagai berkata Malaysia memberi republik itu banyak peluang untuk menyelesaikan isu itu di meja perundingan tetapi tidak berhasil, malah Singapura tetap berkeras dengan pendiriannya.

"Kita memberi Singapura banyak peluang. Banyak kali kita berunding, sebelum kita bawa (ke timbang tara) pada bulan lalu. Tapi kita tengok pendirian dia (Singapura) tidak berubah.

"Dia minta pembuktian. Sedangkan kita sudah serah macam-macam laporan dan mengadakan perbincangan dan kita lihat tidak ada cara lain untuk memutuskan perkara ini," katanya pada pemberita selepas merasmikan Program

Meningkatkan Pendapatan Masyarakat Kampung di Tanjung Sedili, di sini, semalam.

Syed Hamid yang juga anggota Parlimen Kota Tinggi berkata, tindakan merujuk isu penambakan ke timbang tara juga disebabkan Malaysia mahu memelihara ketenteraman serta memastikan situasi tidak menjadi tegang.